

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG
(SEGAMBUT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.11.2016

Y.B. TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai nama 40 Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Milik Kerajaan menerusi Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang mengalami kerugian paling besar. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan tentang syarikat-syarikat tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015,

syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di bawah program Transformasi GLC (G20) yang mengalami kerugian hanya Malaysian Airlines Berhad (MAB) yang kini sedang melalui proses penstrukturan semula, manakala syarikat G20 yang lain telah mencatatkan keuntungan.

Bagi Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) pula, syarikat-syarikat ini ditubuhkan bukan berorientasikan keuntungan tetapi untuk tujuan tertentu berdasarkan mandat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan seperti berikut:

- i. Penyediaan infrastruktur awam;
- ii. Menggalakkan pembangunan ekonomi melalui sokongan kepada pewujudan industri baru;
- iii. Menggalakkan pembangunan teknologi seperti aktiviti pembangunan dan penyelidikan (R&D) serta menarik pelabur asing dalam bidang teknologi; dan
- iv. memenuhi jurang pasaran (*market gap*).

Kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) akan memastikan syarikat akan sentiasa beroperasi selaras dengan objektif penubuhan dan mandat yang telah ditetapkan berdasarkan:

- i. pelan perniagaan (*business plan*) tahunan syarikat;

- ii. sasaran *key performance indicators* (KPI) syarikat dan laporan pencapaian KPI setiap suku tahun;
- iii. penyata Kewangan Beraudit Tahunan;
- iv. Laporan Pengurusan Suku Tahun; dan
- v. Perbincangan dengan syarikat dari semasa ke semasa.